

## Hubungan Antara Ketagihan Internet Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Awang Koding Bin Che Tom  
Zunaidah Tohalib  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara ketagihan internet dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu. Seramai 274 orang responden telah menjawab soal selidik yang terdiri daripada 72 orang (26.3%) responden lelaki dan 202 orang (73.7%) responden perempuan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah *Internet Addiction Test (IAT)* oleh Kimberly Young (1998). Statistik deskriptif menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap ketagihan internet yang tinggi iaitu (N=256; 93.4%). Manakala bagi pencapaian akademik, responden yang berada pada tahap sederhana iaitu (N=6; 2.2%), manakala responden berada pada tahap baik iaitu (N=205; 74.8%) dan responden berada pada tahap cemerlang iaitu (N=63; 23%). Hasil ujian korelasi Pearson mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan internet dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar iaitu ( $r=-.948, p<0.05$ ). Hasil ujian  $-t$  menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan jantina bagi ketagihan internet iaitu  $t(274)=-.935, p>0.05$ .

**Kata kunci:** ketagihan Internet, pencapaian akademik, Universiti Malaysia Terengganu

### PENGENALAN

Perkembangan teknologi pada masa kini yang semakin hari semakin canggih dapat dilihat dengan munculnya alat komunikasi dan teknologi yang pelbagai. Fenomena penggunaan teknologi seperti internet telah banyak digunakan mula daripada peringkat kanak-kanak, remaja hingga dewasa. Hal tersebut dapat dilihat di mana sahaja sama ada di tempat awan mahupun di tempat persendirian. Kepelbagaian kemudahan yang terdapat pada internet menyebabkan terjadi peningkatan penggunaan internet yang tinggi di beberapa buah negara di Asia termasuk Malaysia. Merujuk pada laporan *World Internet Project* melaporkan bahawa sebanyak 54% populasi menggunakan telefon pintar untuk melayari internet dan sebanyak 20% pula lebih berminat melayari internet menggunakan tablet. Laporan ini juga mencatatkan bahawa golongan muda termasuk yang berumur 8 tahun ke atas adalah pengguna internet yang aktif (Cole, 2012).

Di Malaysia, kepelbagaian kemudahan internet menarik perhatian pihak kerajaan untuk mengawal kesan negatif daripada internet. Namun begitu pihak kerajaan juga turut menyokong penggunaan internet dalam pelbagai lapisan masyarakat terutama pelajar agar mereka turut tidak ketinggalan dan mendapat faedah daripadanya. Kerajaan ada melancarkan satu kempen dengan slogan "satu rumah, satu computer", hal ini adalah bertujuan agar semua masyarakat Malaysia mendapat kebaikan dari internet. Di Malaysia terdapat banyak institusi pengajian tinggi (IPT) yang menggunakan internet sebagai sumber

untuk mencari bahan rujukan dan pembelajaran. Selain mudah untuk mendapatkan maklumat dan informasi mengenai subjek yang di pelajari, pelajar juga turut mengambil kesempatan ke atas adanya kemudahan internet. Bagi pelajar yang menetap di dalam kampus mereka mempunyai kelebihan iaitu menggunakan kemudahan internet secara percuma dan mudah berbanding pelajar yang di luar kampus. Mungkin faktor kewangan memberi pengaruh kepada pelajar yang menetap di luar kampus untuk melanggan internet. Pelajar akan mencari hiburan dari internet dengan cara melayari laman youtube, facebook, twitter, dan sebagainya. Selain itu yang lebih membimbangkan lagi adalah mereka akan mula melayari laman web yang tidak sesuai untuk di tonton seperti laman web yang berunsurkan pornografi. Hal ini menyebabkan para pelajar lalai dan banyak membuang masa dengan melayari laman web yang berbentuk hiburan berbanding dengan mengerjakan tugas dan mengulangkaji pelajaran sehingga memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar. Seperti yang diketahui ramai, pencapaian akademik pelajar di ukur berdasarkan seberapa besar nilai CGPA yang diperolehi. Jika tinggi nilai CGPA pelajar tersebut maka itu memnunjukkan prestasi yang memberangsangkan dan cemerlang. Namun tidak mudah untuk mengekalkan atau mencapai nilai CGPA yang cemerlang, terdapat banyak rintangan dan halangan yang boleh membuatkan pelajar tersebut terus tidak berada di zon selesa.

## **LATARBELAKANG MASALAH**

Penggunaan internet di kalangan remaja pada masa kini mengalami peningkatan yang ketara. Perkara tersebut disahkan berdasarkan laporan Digital News Asia oleh penggerusi Malaysia Internet Exchange (MyIX) iaitu Chiew Kok Hin, ia menyatakan bahawa statistik penggunaan internet dalam kalangan remaja di Malaysia pada tahun 2013 menunjukkan angka peningkatan iaitu 51% dengan jumlah kuota penggunaan sebanyak 349,277 mbps berbanding dengan tahun 2012 yang mencatatkan jumlah penggunaan kuota internet hanya sebesar 230,631. Seterusnya, wujud perbezaan yang ketara dalam penggunaan internet dikalangan remaja bagi bulan Januari, Februari, Mac, dan November pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012 yang mana menunjukkan peningkatan sebanyak 75% sehingga 80%. Selain itu, turut dilaporkan bahawa penggunaan internet pada bulan Januari tahun 2013 melalui trafik internet Malaysia iaitu sebanyak 70% (22,511 mbps) atau mengalami peningkatan berbanding dengan tahun 2012 iaitu 12,880 mbps. Bagi bulan November 2013, statistik penggunaan internet mencatatkan sebanyak 41,319 telah digunakan oleh para pengguna khususnya remaja (Digital News Asia, 2014). Di sini jelas menunjukkan bahawa remaja adalah pengguna internet yang sangat aktif.

Penggunaan internet dalam kalangan remaja khususnya pelajar universiti mereka tidak menyedari penggunaan internet yang berlebihan boleh memberikan impak positif maupun negatif, ianya bergantung pada laman web yang di akses. Mungkin pada awalnya mereka berniat melayari internet untuk mencari bahan pembelajaran ataupun rujukan, namun ianya berubah menjadi sesuatu yang dapat membuat mereka ketagih untuk melayari laman web yang berunsurkan hiburan seperti youtube, facebook, instagram, permainan atas talian, menonton drama atas talian, dan bahkan pornografi. Berdasarkan kajian Arisandy (2009), terdapat dua ciri-ciri ketagihan internet iaitu pertama, pengguna internet akan mula hanyut dengan memburu informasi-informasi yang tidak berfaedah demi kepuasan diri. Apabila kepuasan diri yang pertama dapat dicapai maka muncul di hati untuk memenuhi kepuasan diri yang kedua yang mana melebihi kepuasan diri yang pertama itu tadi dan kedua, tahap ini akan berterusan sehingga pengguna internet mencapai tahap ketagihan

internet. Seseorang yang ketagihan internet tidak sedar jika dirinya sedang mengalami ketagihan internet, bahkan mereka tidak mahu di gelar sebagai individu yang ketagihan internet.

Young (1998) ada menyatakan bahawa penggunaan internet yang berlebihan dapat memberi impak yang negatif terhadap diri inividu, keluarga dan sosial terutama para golongan pelajar. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji mengenai ketagihan internet dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Dengan adanya kajian seperti ini ianya dapat membantu memberi maklumat yang berguna dan terperinci tentang tahap ketagihan internet dalam kalangan pelajar serta kesannya terhadap pencapaian akademik mereka. Melalui laporan dan kajian lepas yang diperolehi, pengkaji mendapati bahawa penggunaan internet di kalangan remaja sangat tinggi dan banyak mengakibatkan sesuatu yang bersifat negatif berbanding dengan bersifat positif. Isu tersebut menarik perhatian pengkaji untuk mengenalpasti perhubungan antara ketagihan internet dan pencapaian akademik pelajar. Dalam proses pembelajaran, nilai pencapaian akademik itu sangat penting bagi mengukur sejauh mana pelajar tersebut faham dan dapat menghadam apa yang telah dipelajarinya dalam jangka masa yang telah ditentukan. Pencapaian akademik tersebut di terjemahkan kepada nilai CGPA melalui ujian-ujian yang telah dijalankan keatas setiap pelajar. Cabaran bagi pelajar pada era globalisasi ini dalam menggapai cita-cita meraih masa depan yang cemerlang melalui pencapaian akademik agak sedikit terganggu dengan kewujudan internet. Sungguh internet banyak mendatangkan kebaikan jika ianya digunakan dengan penuh berhikmah namun ianya juga dapat mendatangkan keburukan jika digunakan dengan kelalaian.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai. Antaranya iailah:-

1. Menenalpasti tahap ketagihan internet dalam kalangan pelajar di UMT.
2. Menenalpasti tahap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di UMT.
3. Mengkaji perbezaan tahap ketagihan internet dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor demografi seperti berikut:
  - a) perbezaan tahap ketagihan internet dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor demografi jantina dalam kalangan pelajar UMT.
  - b) perbezaan tahap ketagihan internet dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor demografi umur dalam kalangan pelajar UMT.
  - c) perbezaan tahap ketagihan internet dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor demografi tahun pengajian dalam kalangan pelajar UMT.
  - d) perbezaan tahap ketagihan internet dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor pusat pengajian dalam kalangan pelajar di UMT.
4. Mengkaji hubungan antara ketagihan internet dengan pencapaian akademik pelajar dalam kalangan pelajar di Universiti Malaysia Terengganu.

## **HIPOTESIS KAJIAN**

- Ha1: Terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan faktor jantina.
- Ha2: Terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan faktor umur.

- Ha3: Terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan faktor tahun pengajian.
- Ha4: Terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan faktor pusat pengajian.
- Ha5: Terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan internet dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di Universiti Malaysia Terengganu.

## METODOLOGI

### **Populasi dan Sampel**

Populasi kajian ini seramai 953 pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun 2, tahun 3 dan tahun 4 yang menetap di Kolej Siswa, UMT. Seramai 274 pelajar dipilih sebagai sampel dalam kajian ini berdasarkan formula penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970).

### **Lokasi kajian**

Lokasi kajian ini ialah di Kolej Siswa, Universiti Malaysia Terengganu.

### **Instrumen kajian**

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen yang mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A merangkumi demografi responden seperti jantina, umur, tahun pengajian dan juga tentang pencapaian akademik. Manakala bahagian B pula instrumen *Internet Addiction Test (AIT)*. Instrumen ini mengandungi 20 item yang mengukur sejauh mana penggunaan internet memberi kesan terhadap rutin harian responden, kehidupan sosial, produktiviti, pola tidur, perasaan dan kebimbangan responden.

### **Taburan Demografi Responden**

Jadual 1 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina. Kajian ini melibatkan seramai 274 responden. Daripada jumlah tersebut seramai 72 orang (26.3%) terdiri daripada responden lelaki dan seramai 202 orang (73.7%) terdiri daripada responden perempuan.

Jadual 1: Taburan Demografi Berdasarkan Jantina

Jantina	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Lelaki	72	26.3
Perempuan	202	73.7
Jumlah	274	100

### **Taburan Responden Berdasarkan Umur**

Jadual 2, menunjukkan taburan responden berdasarkan umur yang terdiri daripada 274 orang. Seramai 19 orang (6.9%) terdiri daripada responden berumur 19 sehingga 21 tahun, manakala seramai 236 orang (86.1%) pula terdiri daripada responden berumur 22 sehingga 24 tahun dan seramai 19 orang (6.9%) terdiri daripada responden berumur 25 tahun ke atas.

Jadual 2: Taburan Renponden Berdasarkan Umur

Umur	Frekuensi (orang)	Peratus (%)
19-21 Tahun	19	6.9
22-24 Tahun	236	86.1
25 Tahun ke atas	19	6.9
Jumlah	274	100

**Taburan Responden Berdasarkan Tahun Pengajian**

Berdasarkan jadual 3, menunjukkan taburan respon berdasarkan tahun pengajian yang terdiri daripada 274 orang responden. Seramai 114 orang (41.6%) terdiri daripada responden tahun 2, manakala seramai 126 orang (46%) terdiri daripada responden tahun 3, dan akhir sekali seramai 34 orang (12.4%) terdiri daripada responden tahun 4.

Jadual 3: Taburan Responden Berdasarkan Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	Frekuensi (orang)	Peratus (%)
Tahun 2	114	41.6
Tahun 3	126	46
Tahun 4	34	12.4
Jumlah	274	100

**Taburan Responden Berdasarkan Pusat Pengajian**

Jadual 4, menunjukkan taburan responden berdasarkan pusat pengajian. Daripada jumlah 274 orang responden, seramai 7 orang (2.6%) terdiri daripada responden Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA), 7 orang (2.6%) terdiri daripada responden Pusat Pengajian Informatik Dan Matematik Gunaan (PPIMG), 73 Orang (26.6%) terdiri daripada responden Pusat Pengajian Sains Marin Dan Sekitaran (PPSMS), 63 orang (23%) terdiri daripada responden Pusat Pengajian Sains Perikanan Dan Akuakultur (PPSPA), 36 orang (13.1%) terdiri daripada responden Pusat Pengajian Sains Dan Teknologi Makanan (PPSTM), 29 orang (10.6%) terdiri daripada responden Pusat Pengajian Pembangunan Sosial Dan Ekonomi (PPPSE), 56 orang (20.4%) terdiri daripada responden Pusat Pengajian Perniagaan Dan Pengurusan Maritim (PPPPM), dan akhir sekali seramai 3 orang (1.1%) terdiri daripada responden Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK).

Jadual 4: Taburan Responden Berdasarkan Pusat Pengajian

Pusat Pengajian	Frekuensi (orang)	Peratus (%)
PPSA	7	2.6
PPIMG	7	2.6
PPSMS	73	26.6
PPSPA	63	23
PPSTM	36	13.1
PPPSE	29	10.6
PPPPM	56	20.4
PPKK	3	1.1
Jumlah	274	100

## PERBINCANGAN

Analisis data secara deskriptif digunakan untuk mengukur tahap ketagihan internet dan pencapaian akademik pelajar.

### ***Taburan Responden Mengikut Tahap Ketagihan Internet***

Berdasarkan jadual 5, terdapat seramai 6 orang (2.2%) mendapat hasil skor terkawal dalam penggunaan internet, seterusnya seramai 12 orang (4.4%) mendapat skor kerap dan akhir sekali seramai 256 orang (93.4%) pula mendapat skor tinggi atau lebih mudah iaitu ketagihan dalam penggunaan internet.

Jadual 5: Taburan Responden Berdasarkan Ketagihan Internet

Tahun Pengajian	Frekuensi (orang)	Peratus (%)
Terkawal	6	2.2
Kerap	12	4.4
Tinggi	256	93.4
<b>Jumlah</b>	<b>274</b>	<b>100</b>

### ***Taburan Responden Mengikut Tahap Pencapaian Akademik***

Pencapaian akademik (CGPA) terbahagi kepada lima bahagian gred yang diakui oleh Universiti Malaysia Terengganu iaitu terdiri dari gred gagal (0.00), gred lemah (1.00-1.75), gred memuaskan (2.00-2.50), gred baik (2.75-3.50), dan gred cemerlang (3.75-4.00). berdasarkan jadual 6, tidak ada responden yang mempunyai gred gagal dan lemah dalam pencapaian akademik. Namun hasil data yang diperoleh menunjukkan seramai 6 orang (2.2%) yang mempunyai gred memuaskan dalam pencapaian akademik, seramai 205 orang (74.8%) yang mempunyai gred baik dalam pencapaian akademik, dan seramai 63 orang (23%) yang mempunyai gred cemerlang dalam pencapaian akademik.

Jadual 6: Taburan Responden Berdasarkan Pencapaian Akademik

Tahun Pengajian	Frekuensi (orang)	Peratus (%)
Memuaskan	6	2.2
Baik	205	74.8
Cemerlang	63	23
<b>Jumlah</b>	<b>274</b>	<b>100</b>

### **Pengujian Hipotesis Pertama**

Ha1 :Terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor jantina.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan ketagihan internet yang signifikan dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina, iaitu  $t(274) = -.935, -p > 0.05$ . hal ini kerana tahap ketagihan internet yang dialami pelajar perempuan ( $M = -80.19$ ) lebih tinggi

berbanding pelajar lelaki (M=-79). Hipotesis alternatif ditolak di mana tidak terdapat perbezaan ketagihan internet yang signifikan dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina. Jadual 7, menunjukkan analisis Ujian-t (*t test*) mengenai perbezaan ketagihan internet dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina responden.

Jadual 7: Analisis Ujian-t (*t test*) Mengenai Perbezaan Ketagihan Internet Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	T	Df	Sig.
Lelaki	72	-79	-.935	274	.351
Perempuan	202	-80.19			

Nilai signifikan:  $p > 0.05$

### ***Pengujian Hipotesis Kedua***

Ha2 : Terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan faktor umur.

Ujian Anova digunakan bagi menguji hipotesis kedua iaitu berkenaan dengan hubungan antara ketagihan internet dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor umur. Jadual 8, menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor umur iaitu ( $F=3.652$ ;  $p > 0.05$ ). pelajar yang mengalami ketagihan internet berdasarkan umur 19-21 tahun ( $M=-5.34$ ,  $SD=2.90$ ) dan pelajar yang berumur 22-24 tahun ( $M=5.34$ ,  $SD=2.90$ ) berbeza dengan pelajar yang berumur 25 tahun ke atas yang lebih tinggi ( $M=8.05$ ,  $SD=3.11$ ). nilai korelasi ( $r=-.948$ ). Sekiranya umur meningkat maka ketagihan internet juga meningkat. Oleh itu, berdasarkan analisis data menggunakan SPSS hasil  $p > 0.05$  terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan faktor umur diterima.

Jadual 8: Analisis Ujian Anova Mengenai Perbezaan Ketagihan Internet Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Faktor Umur

Umur	N	Min	SD
19-21 Tahun	19	-5.34	2.90
22-24 Tahun	236	5.34	2.90
25 Tahun ke Atas	19	8.05	3.11

### ***Pengujian Hipotesis Ketiga***

Ha3 : Terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan faktor tahun pengajian.

Berdasarkan jadual 9, hasil kajian yang diperoleh mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan faktor tahun pengajian ( $F=.116$ ;  $p < 0.05$ ). pelajar yang mengalami ketagihan internet berdasarkan tahun pengajian tahun 2 ( $M=-.82$ ,  $SD=1.26$ ), tahun 3 ( $M=.82$ ,

SD=1.26) berbeza dengan tahun 4 yang lebih tinggi (M=.50, SD=1.90). oleh itu, hipotesis alternatif diterima di mana terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan faktor tahun pengajian.

Jadual 9: Analisis Ujian Anova Mengenai Perbezaan Ketagihan Internet Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Faktor Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	N	Min	SD
Tahun 2	114	-.82	1.26
Tahun 3	126	5.34	1.26
Tahun 4	34	8.05	1.90

#### **Pengujian Hipotesis Keempat**

Ha4 :Terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan faktor pusat pengajian.

Jadual 10, menunjukkan hasil dapatan kajian mengenai terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor pusat pengajian iaitu ( $F_{266}=1.054$ ;  $p<0.05$ ). pelajar yang mengalami ketagihan internet berdasarkan pusat pengajian PPSA (M=1.28, SD=3.83), PPIMG (M=1.28, SD=3.83), PPSMS (M=-1.28, SD=3.83), PPSPA (M=.34, SD=3.90), PPSTM (M=1.28, SD=4.0), PPPSE (M=-.40, SD=4.10), PPPPM (M=2.21, SD=3.90), dan akhir sekali PPKK (M=-8.90, SD=6.7). oleh itu, hipotesis alternatif diterima dimana terdapat perbezaan yang signifikan pada ketagihan internet dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan faktor pusat pengajian.

Jadual 10: Analisis Ujian Anova Mengenai Perbezaan Ketagihan Internet Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Faktor Pusat Pengajian

Pusat Pengajian	N	Min	SD
PPSA	7	1.30	5.20
PPIMG	7	1.30	5.20
PPSMS	73	-1.30	3.83
PPSPA	63	.34	3.85
PPSTM	36	1.30	4.00
PPPSE	29	-40	4.07
PPPPM	56	2.21	3.88
PPKK	3	-8.90	6.68

#### **Pengujian Hipotesis Kelima**

Ujian korelasi *Pearson* digunakan bagi menguji hipotesis kedua iaitu berkenaan dengan hubungan antara ketagihan internet dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar. Jadual 11, menunjukkan hasil kajian yang diperolehi iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan internet dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar iaitu ( $r=-$



.948,  $p < .001$ ). sekiranya ketagihan internet meningkat maka pencapaian akademik akan menurun. Oleh itu, hipotesis alternatif diterima.

Jadual 11: Analisis Ujian Korelasi Pearson Antara Ketagihan Internet Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar

Jantina	N	R	P
Ketagihan internet	274	-.948	.000
Pencapaian akademik	274		

## RUMUSAN

Usaha bagi mengatasi ketagihan internet dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar-pelajar universiti adalah penting bagi mengelakkan pelbagai kesan negatif terhadap proses pembelajaran dan masa depan pelajar. Hasil daripada rumusan kajian, terdapat pelbagai implikasi kajian yang berkemungkinan akan berlaku sama ada terhadap individu itu sendiri, keluarga, kaunselor atau kepada organisasi tersebut iaitu universiti-universiti yang sedia ada. Oleh itu, pemerhatian dan tinjauan mengenai ketagihan internet dan pencapaian akademik perlu untuk menjamin masa depan yang cerah, hubungan sosial yang baik, dan kehidupan yang lebih teratur para pelajar.

## RUJUKAN

- Creswell, J. W. (1994). *Research design: Quantitative and qualitative approaches. Thousand Oaks: Sage Publication.*
- Gencer, S. L., & Koc, M. (2012). Internet abuse among teenagers and its relations to internet usage patterns and demographics. *Journal of Educational Technology & Society, 15*(2), 25.
- Hassan, J., & Rashid, R. S. R. A. (2012). Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di Bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational and Engineering Education, 6*, 23-43.
- Rickless Das, Ferlis Bin Bullare @ Hj. Bahari & Habibie Ibrahim (2014). *Penggunaan Internet Dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Subjektif Dalam Kalangan Remaja: Perbandingan Peranan Tanggungjawab Jenis-Jenis Gaya Keibubapaan.* Fakulti Psikologi Dan Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah.
- Scherer, K. (1997). College Life Online: Healthy and Unhealthy Internet Use. *Journal of College Student Development, 38*(6), 655-665.
- Wan Hamzari, Ahmad Fauzi Mohd Ayub & Mokhtar Nawawi (2011). Masalah Ketagihan Internet Dalam Kalangan Pelajar Aliran Sains dari Perspektif Gender. *Malaysia Citation Centre, 34*, 25-36.
- Young, K. S. (2004). Internet addiction: A new clinical phenomenon and its consequences. *American behavioral scientist, 48*(4), 402-415.